



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

## **SIARAN MEDIA**

### **BICARA NEGARAWAN: MENELUSURI SUSUR GALUR BAPA PERPADUAN NEGARA DAN BICARA BUKU: “ROOTS LIVING HERITAGE”**

---

**KUALA LUMPUR:** 11 Mac 2023 – YBhg. Dato’ Jaafar Sidek bin Haji Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (ANM) hari ini merasmikan program Bicara Negarawan: Menelusuri Susur Galur Bapa Perpaduan Negara dan Bicara Buku: “Roots Living Heritage” di Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur.

Program ilmiah yang dianjurkan oleh ANM dengan kerjasama penulis dan editor buku “Roots Living Heritage” bertujuan mengupas lebih mendalam mengenai susur galur Perdana Menteri Malaysia Ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn serta merungkai sejarah salasilah Melayu di Pulau Pinang.

Tun Hussein Onn merupakan anak sulung kepada pasangan bangsawan iaitu Dato’ Onn Ja’afar dan Datin Halimah Hussein. Bapanya adalah tokoh negara yang telah menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1946 manakala datuknya merupakan, Menteri Besar Johor yang pertama bermula 1886 hingga 1919 iaitu Dato’ Jaafar Haji Muhammad.

Jiwa kepimpinan dan semangat menebal cintakan tanah air di dalam diri Tun Hussein Onn dipupuk sejak kecil melalui pendedahan yang diberikan daripada ayah dan datuk beliau terutama dalam misi memperjuangkan kemerdekaan tanah air ketika itu.

Tun Hussein Onn juga diketahui mempunyai pertalian saudara dengan seorang pedagang Arab yang terkenal iaitu Syed Abdullah Alatas melalui neneknya, YM Cik Rogayah Hanim yang juga merupakan keturunan daripada bangsawan Turki di Istana Harem.

Sultan Johor telah menitahkan Dato’ Jaafar Haji Muhammad agar memperisteri YM Cik Rogayah Hanim bagi menjaga kebajikan dan serta perhubungan dengan kerajaan Turki setelah kematian suaminya, Syed Abdullah Alatas.

Sejarah susur galur Bapa Perpaduan Negara ini akan disampaikan oleh tokoh pembicara, YBhg. Prof. Dr. Syed Farid Alatas manakala YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican akan menjelaskan mengenai salasilah keluarga Melayu Islam di Pulau Pinang serta perkaitan dengan asimilasi keturunan Merican.

Penceritaan daripada kedua-dua tokoh pembicara ini dapat dilihat melalui buku "Roots Living Heritage" yang diterbitkan awal tahun ini.

YBhg. Dato' Halimah Mohd Said yang merupakan editor buku tersebut telah menyerahkan sebuah lukisan eksklusif bertajuk *Houses Of Worship* kepada ANM sebagai simpanan kekal untuk dipelihara di sini.

Penganjuran program seperti ini adalah sebahagian daripada peranan Arkib Negara Malaysia dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi serta cintakan sejarah negara.

#### **Arkib Negara Malaysia**

Tarikh : 11 Mac 2023

Emel : [pro@arkib.gov.my](mailto:pro@arkib.gov.my)

Rujukan : ARKIB.100-9/1/1/(68)